

Lega tebing runtuh dibaik pulih

JPS peruntuk RM400,000, projek dijangka siap awal Februari

**TUAN NUR SUHAILA
RAJA MUHAMMAD**

KAJANG - Penduduk di kawasan Taman Selamat, Bt 14, Jalan Cheras kini boleh menarik nafas lega apabila kerja membaiki pulih tebing runtuh yang menjadi aliran anak Sungai Merbau kini sedang giat dijalankan.

Penyelaras Kawasan Parlimen Serdang Datuk Yap Pian Hon berkata, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) peruntukkan RM400,000 untuk membaiki pulih tebing yang runtuh berikutan penerimaan tekanan arus deras Sungai Merbau ketika musim hujan lalu.

Menurutnya, pada September 2011, kawasan tebing



Pian Hon (kanan) ketika meninjau kawasan tebing runtuh di Taman Selamat, Bt 14, Jalan Cheras, di sini. Gambar kanan: Keadaan tebing yang runtuh dipercayai akibat penerimaan tekanan air deras.



tersebut mengalami hakisan dan runtuh malah pihaknya telah membuat tinjauan dan perkara ini mendapat tindakan segera pihak JPS.

"Pada musim hujan serta banjir kilat baru-baru ini,

runtuhan besar berlaku dan semakin membimbangkan terutamanya kepada pemilik kedai berdekatan kawasan runtuh.

"Namun mereka diharap dapat bersabar kerana kerja

baik pulih sedang dijalankan pihak JPS dan dijangka siap penghujung Januari 2012 atau awal Februari 2012 ini," katanya ketika melawat kawasan kerja baik pulih dijalankan.

Pengusaha restoran, Ramli

Abd Rahman, 50-an berkata, kerja baik pulih kawasan tebing tersebut dilihat telah dimulakan dari November 2011.

"Jarak restoran saya dengan kawasan tebing runtuh-

an hanya 120 sentimeter sahaja dan runtuh ini membimbangkan peniaga di sini namun kerja baik pulih tersebut sedikit sebanyak melegakan hati semua.

"Cuma masalah kami apabila habuk daripada pembinaan tersebut berikutan cuaca panas sekarang sehingga mengotorkan kedai," katanya.

Ramli berkata, pihaknya berharap kerja baik pulih tebing ini akan mengelakkan berlakunya kejadian banjir kilat dan lumpur pada masa akan datang dan berharap kerja ini dapat disiapkan secepat mungkin bagi mengelakkan masalah lain seperti perniagaan terjejas akibat habuk pembinaan.